

[Home](#) - [Utusan Borneo](#) - [Berita Nasional](#) -

## Minta kerjasama antara syarikat perniagaan lengkap maklumat banci

by RUZAINI ZULKIFLI, ruzainiUB@gmail.com. Posted on July 29, 2011, Friday



Amran (kanan) menunjukkan naskah buku Banci Ekonomi tahun-tahun sebelumnya di Pejabat JPN, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah kelmarin.

### Jabatan Perangkaan sasarkan 100 peratus pencapaian BE2011

KOTA KINABALU: Jabatan Perangkaan Malaysia di sini mensasarkan 100 peratus pencapaian dalam menjalankan Banci Ekonomi (BE2011) yang merangkumi organisasi pelbagai sektor di negeri ini.

Menurut Timbalan Pengarah Jabatan Perangkaan Sabah, Amran Othman berkata BE2011 yang dijalankan buat kali ketiga mulai bulan April itu dikendalikan setiap lima tahun sejak 2001 bagi tahun rujukan 2010.

“Di Sabah, BE2011 akan melibatkan sejumlah 40,000 firma perniagaan tempatan dan asing di mana sektor perkhidmatan adalah yang terbanyak di sini.

“Namun setakat bulan Jun lepas, kita hanya menerima kira-kira 15 peratus respon sahaja daripada syarikat tempatan dan kita berharap ia akan meningkat dari masa ke semasa.

“Antara masalah yang timbul ialah mereka (pihak syarikat) beranggapan kami mengejar cukai pendapatan. Kita ingin menjelaskan bahawa BE2011 adalah bagi menjalankan kerja-kerja perancangan banci pada tahun 2010 bermula dengan pengemaskinian rangka atau senarai organisasi yang akan dilibatkan penyediaan borang kaji selidik,” katanya pada sidang media di Pejabat Jabatan Perangkaan di Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah kelmarin.

Tambah Amran, segala maklumat yang diperolehi akan dijamin rahsia di bawah peruntukan Akta Perangkaan 1965 (Semakan 1989) yang telah menetapkan bahawa kandungan borang kaji selidik itu adalah rahsia.

“Jadi tidak timbul isu kerisauan di sini kerana kita menjamin kerahsiaan maklumat yang diperoleh malah individu dari organisasi dibenci juga kami enggan dedahkan.

“Sehubungan itu, kita berharap agar semua responden akan memberi kerjasama dan sokongan mereka sepenuhnya untuk mengisi borang kaji selidik dengan maklumat tepat dalam tempoh ditetapkan,” katanya sambil menambah kerajaan telah memperuntukkan RM43 juta bagi program berkenaan.

Amran berkata, BE2011 buat kali pertama akan dijalankan serentak dengan Banci Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) berikutnya 95 peratus organisasi yang ada di sini terdiri daripada PKS dan mampu menjimatkan kos.

Banci Ekonomi ini bertujuan mendapatkan maklumat lengkap tentang struktur dan profil kegiatan ekonomi di negeri Sabah dan ia akan digunakan dalam perumusan rancangan pembangunan negara dan dasar-dasar ekonomi.

Data-data itu juga digunakan sebagai penanda aras bagi kompilasi Akaun Negara serta pengemaskinian rangka bagi daftar pertubuhan pusat dalam Jabatan Perangkaan sendiri.